PERATURAN TABUNG KHAIRAT KEMATIAN SURAU AL-ANSAR, TAMAN CORAL HEIGHT,SIKAMAT

Pengenalan

Firman Allah
Katakanlah: "Sesungguhnya kematian yang kamu lari daripadanya, Maka Sesungguhnya kematian itu akan menemui Kemudian kamu akan dikembalikan kepada (Allah), yang mengetahui yang ghaib dan yang nyata, lalu dia beritakan kepadamu apa yang telah kamu kerjakan."(Al-Jumu'ah: 8)

Penubuhan Tabung Khairat Kematian Surau Al-Ansar, Taman Coral Heights. Sikamat, telah diilhamkan oleh Jawatankuasa Surau Al-Ansar. Tabung Khairat Kematian ini akan berfungsi di bawah naungan Surau Al-Ansar. Keahliannya adalah disasarkan kepada kariah Surau Al-Ansar, Taman Coral Heights dan ahli keluarga yang menjadi tanggungannya.

1. Tujuan Penubuhan Tabung Khairat Kematian.
    1.1. Menyelesaikan sesuatu tugas bersama apabila berlaku kematian khususnya dalam urusan fardhu kifayah.
    1.2. Membantu meringankan beban waris simati.
    1.3. Memupuk semangat bekerjasama dan saling membantu dalam kalangan penduduk TCH.

2. Syarat-Syarat Keahlian
    2.1. Terbuka kepada orang Islam yang bermastautin di Taman Coral Heights.
    2.2. Satu keahlian akan mewakili satu rumah atau satu keluarga di bawah tanggungannya dan hendaklah didaftarkan dalam Borang Pendaftaran.
        a. Ahli.
        b. Isteri atau suami.
        c. Anak-anak di bawah tanggungan ahli (belum berkahwin atau belum bekerja).
        d. Ibubapa atau mertua atau penjaga yang tinggal bersama.
    2.3. Keahlian berkuatkuasa apabila borang pendaftaran telah disahkan oleh Pengerusi / Setiausaha AJK Khairat Kematian dan yuran pendaftaran telah dibayar.
    2.4. Pendaftaran yang dibuat pada ketika/ hari berlakunya satu-satu kematian semata-mata untuk mendapatkan wang sumbangan tidak layak menerima sumbangan untuk kematian tersebut serta merta. Walaubagaimanapun keahliannya boleh diterima.
    2.5. Seseorang ahli hendaklah mengisi borang yang disediakan dan dimestikan membayar bayaran yuran seumur hidup sebanyak lima puluh ringgit sahaja(RM 50.00) dan yuran pendaftaran sebanyak sepuluh ringgit sahaja (RM10.00). Sekiranya berlaku kematian, semua ahli yang berdaftar hendaklah membayar yuran tambahan sepuluh ringgit sahaja (RM 10.00)
    2.6. Nama peserta yang tidak didaftarkan dalam borang pendaftaran tidak layak menerima sumbangan. Sekiranya ahli yang berhasrat untuk menarik diri daripada menjadi ahli seterusnya maka ia tidak boleh menuntut semula segala yuran yang telah dibayar.
    2.7. Sebarang pindaan kepada peraturan ini adalah tertakluk kepada keperluan semasa.
    2.8. Sekiranya timbul apa-apa masalah berhubung dengan tafsiran atau peraturan Tabung ini, keputusan AJK Tabung Khairat Kematian adalah muktamad.
    2.9. Sekiranya berlaku kematian, pewaris hendaklah memberitahu AJK Surau Al-Ansar bagi tindakan selanjutnya. Segala perbelanjaan bagi pengurusan jenazah akan ditanggung oleh Tabung Khairat Kematian.
    2.10. Ahli yang tidak membayar yuran tambahan sebanyak 3 kali akan terbatal keahliannya.

3. Yuran
    3.1. Yuran pendaftaran sebanyak sepuluh ringgit (RM 10.00)
    3.2. Yuran seumur hidup adalah Lima Puluh Ringgit Sahaja (RM50.00).
    3.3. Yuran tambahan sebanyak sepuluh ringgit (RM 10.00) akan dipungut dari setiap ahli apabila berlaku kematian. Bayaran hendaklah dijelaskan kepada Bendahari dalam tempoh seminggu selepas berlaku sesuatu kematian.
    3.4. Segala yuran yang telah dibayar tidak akan dikembalikan sekiranya ahli menarik diri atau dibatalkan daripada menjadi ahli seterusnya.
    3.5. Sekiranya tahap kewangan tidak mengizinkan, pemberian sumbangan ditentukan oleh Jawatankuasa Tabung Khairat Kematian Surau Al-Ansar.
    3.6. Wang daripada tabung juga akan digunakan untuk tujuan pengurusan.

4. Akaun
    4.1. Satu akaun bank akan dibuka khusus untuk tabung ini. Akaun bank ini akan didaftarkan dengan nama Tabung Khairat Kematian Surau Al-Ansar, Taman Coral Heights, Sikamat.
    4.2. Penyata kira-kira akan dibuat setiap hujung tahun dan akan disahkan oleh pemeriksa kira-kira. Penyata Kira-Kira akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Surau Al-Ansar, Taman Coral Heights.

5. Kemudahan / Anggaran perbelanjaan

Pihak pengurusan Tabung Khairat Kematian akan membantu waris simati bagi pengurusan seperti berikut:-

5.1. Bayaran sewa van jenazah.
5.2. Sewaan tempat mandi jenazah.
5.3. Saguhati kepada tukang mandi jenazah.
5.4. Set kelengkapan kapan.
5.5. Bayaran Keranda.
5.6. Bayaran Majlis Perbandaran Seremban
5.7. Pengurusan kubur.
5.8. Saguhati Penggali Kubur
5.9. Imam solat jenazah.
5.10. Belanja tambahan / Pengurusan tahlil.

6. Ahli Jawatankuasa Tabung Khairat Kematian Surau Al-Ansar

Pengerusi	:	En. Mohd Nazri Abd Samad
Setiausaha	:	En. Ismail Mohamad
Bendahari	:	En. Fairuz Hassan
AJK	:	En. Faizal Mokhtar
		En. Hairul Fahmi Hj Alias
		Tn. Hj. Mohd Adenan Hassan
Pemeriksa Kira-Kira	:	En. Affandy Bin Mohd Nor
		Y.M. Raja Mohd. Zaki bin Y.M. Raja Deraman

7. Mesyuarat
    7.1. Agenda dan perkara mengenai Tabung Khairat Kematian Surau Al-Ansar, Taman Coral Heights Sikamat akan dibincangkan semasa mesyuarat Jawatankuasa Surau Al-Ansar, Taman Coral Heights dan dilaksanakan sekurang-kurangnya enam (6) bulan sekali.
    7.2. Ahli Jawatankuasa dipilih melalui mesyuarat Jawatankuasa Surau Al-Ansar Taman Coral Heights.
    7.3. Pertukaran ahli jawatankuasa akan diadakan melalui mesyuarat Jawatankuasa Surau Al-Ansar, Taman Coral Heights.